

MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	12	ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 3,103	PR Value	RM 9,309



# Proaktif kuatkuasakan undang-undang jalan raya

Oleh **MARIA ABDUL RAHMAN**

MINGGU lepas kita telah dikejutkan dengan kemalangan ngeri yang telah meragut 37 nyawa penumpang bas henti-henti antara Genting Highlands dan Kuala Lumpur. Walaupun setiap hari dada-dada akhbar utama dipenuhi dengan berita-berita berkaitan kemalangan, namun kemalangan yang berlaku di KM3.5 Jalan Genting Highlands merupakan kemalangan yang terburuk pernah berlaku di negara ini.

Walaupun pelbagai undang-undang jalan raya yang telah diwartakan oleh pihak kerajaan, namun kemalangan yang melibatkan pengangkutan awam dan kenderaan persendirian masih lagi berlaku. Pelbagai operasi jalan raya telah dijalankan semasa musim perayaan namun hasilnya tetap sama.

Agensi-agensi penguat kuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) masih tidak mampu untuk menangani isu-isu berkaitan keselamatan pengangkutan awam dan persendirian.

Oleh itu, sudah tiba masanya kerajaan mengambil tindakan lebih proaktif terhadap perkara tersebut supaya ia tidak berulang lagi.

Kita sedia maklum terdapat pelbagai undang-undang jalan raya di Malaysia. Namun penguatkuasaannya masih longgar dan perlu diperketatkan lagi agar pengusaha syarikat, pemandu bas dan pemandu kenderaan persendirian akan lebih peka akan undang-undang dan tidak sewenang-wenangnya melanggar peraturan yang ditetapkan.

Penggunaan telefon bimbit semasa memandu, umpamanya merupakan faktor penyumbang kepada kemalangan. Jika sebelum ini, pemandu yang menggunakan telefon semasa memandu akan disaman tetapi peraturan itu seolah-olah tidak dipatuhi lagi.

Ramai yang memandu sambil bercakap di talian atau menghantar pesanan ringkas tanpa menghiraukan keselamatan diri mereka. Gajet-gajet elektronik jika digunakan pada waktu yang salah akan membahayakan diri.

Setiap kali sekatan jalan dilakukan, pemandu yang didapati melakukan kesalahan perlu membayar saman "on the spot". Jika mereka tidak mampu, kenderaan akan disita dan pemandu akan didakwa. Agensi penguatkuasaan tidak sepatutnya membiarkan mereka menangguh pembayaran saman di kemudian hari.

Ini kerana jika keadaan ini dibiarkan besar kemungkinan mereka tidak akan membayar saman tersebut. Ada kes-kes tertentu di mana saman yang telah dikeluarkan bertahun-tahun lamanya tapi masih belum dijelaskan oleh pemandu bas dan tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak penguatkuasaan.

Satu pangkalan data yang bersepadu antara pengusaha bas, JPJ, PDRM, dan SPAD perlu diwujudkan untuk menyediakan maklumat yang tepat dan segera. Pihak PDRM atau JPJ boleh mengambil tindakan segera untuk menyita atau mengeluarkan saman terhadap pengusaha-pengusaha bas yang tidak mematuhi peraturan.

Pengalaman penulis sendiri, alamat yang dikeluarkan oleh pihak JPJ adalah berbeza daripada alamat yang dikeluarkan oleh PDRM. Seharusnya, satu pangkalan data yang seragam perlu diwujudkan untuk memudahkan operasi pihak bertanggungjawab.

Struktur jalan raya juga mungkin menyumbang kepada kemalangan. Jalan raya yang berlubang dan dipenuhi air adakalanya membahayakan pengguna jalan raya. Oleh itu, Kementerian Kerja Raya juga perlu memainkan peranan dengan memperbaiki jalan raya agar keselamatan pengguna lebih terjamin.

Mungkin perbelanjaan untuk memperbaiki jalan raya agak tinggi tetapi faedah yang diterima oleh pengguna adalah besar dan dapat mencegah kemalangan daripada terjadi.

Jadi, adakah kita sanggup melihat lebih banyak nyawa terkorban hanya kerana sikap pemandu yang sambil lewa dengan undang-undang jalap raya dan ketidakprihatinan kita? Kerajaan perlu bertegas dalam soal ini.

**PENULIS** ialah Pensyarah Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia